

PM minta Suhakam usah layan NGO enggan beri kerjasama

BH - 6 MAY 2002
Oleh Wan Jailani Razak

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) supaya tidak mempedulikan tindakan 32 badan bukan kerajaan (NGO) yang tidak mahu bekerjasama dengan suruhanjaya itu selama 100 hari.

"Tak apalah... siapa peduli pasal NGO ni," kata Perdana Menteri

kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini, sebelum pulang ke Kuala Lumpur sele-

(Hakam) yang mengambil tindakan itu atas alasan kesal dengan fungsi Suhakam dalam memperjuangkan hak asasi manusia.

Saya belajar daripada PM terdahulu: Mahathir - Muka 2

pas sehari meninjau beberapa projek pembangunan pelancongan di Langkawi.

Beliau diminta mengulas tindakan NGO, termasuk Aliran dan Persatuan Hak Asasi Kebangsaan

Presiden Hakam, Ramandas Tikamdas, semalam dilapor mempersoalkan kejayaan isu hak asasi yang diperjuangkan Suhakam sepanjang dua tahun penubuhannya.

Katanya, apa yang dapat dilihat Suhakam ada menghantar beberapa laporan mengenai isu hak asasi manusia untuk perhatian kerajaan, maklum balas mengenai Lebuh Raya Kesas dan hak kebebasan berhimpun.

Bagaimanapun, Ramandas berkata NGO mendapati kerajaan tidak menghiraukan langsung laporan

LIHAT MUKA 2

Pas perlu tunai janji majukan Kelantan

DARI MUKA 1

berhubung hak kebebasan berhimpun.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir mencahar kerajaan Pas Kelantan supaya menunaikan janji untuk melaksanakan pembangunan di negeri itu seperti yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) di negeri lain.

Perdana Menteri berkata, itu adalah janji yang sering diulangi kerajaan Pas Kelantan dan ia perlu dilaksanakan.

"Dia (Pas) kata kalau ada

kerajaan, semua boleh buat (untuk pembangunan negeri). Suruh dia buatlah. Semua kerajaan boleh buat (membangunkan negeri) macam mana kerajaan BN boleh buat.

"Semua kerajaan lain boleh buat, buatlah," katanya.

Dr Mahathir diminta mengulas kenyataan Ahli Parlimen Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah semalam yang mendakwa kerajaan Pas Kelantan dipercayai mengulangi perbuatan menggadai tanah di beberapa kawasan di Hulu Kelantan kepada berpuh-

puluh syarikat swasta, kononnya untuk projek pembangunan kelapa sawit.

Tengku Razaleigh percaya tindakan itu ada kaitan dengan kedudukan kewangan kerajaan negeri yang dikatakan semakin meruncing hingga terdesak mengambil keputusan menggadai tanah terbabit yang dianggarkan seluas 50,000 hektar.

Sebelum BN mengambil alih tampuk pemerintahan di Kelantan pada 1980, kerajaan Pas ketika itu pernah menggadai tanah seluas 380,000 hektar di Hulu

Kelantan kepada sebuah syarikat asing di Singapura, katanya.

Bagaimanapun, katanya, tanah terbabit ditebus semula kerajaan BN apabila mengambil alih tampuk pemerintahan di negeri itu daripada Pas pada 1990.

Ditanya sama ada Kerajaan Pusat akan memantau keadaan itu kerana dikhawatiri boleh menjejaskan kepentingan jika ia dibiarkan berlarutan, Perdana Menteri berkata, buat masa ini beliau belum memikirkannya.